

'Teruskan baca Qunut Nazilah'

IPOH - Semua masjid dan surau masih meneruskan bacaan doa Qunut Nazilah selepas solat fardu sebagai tanda solidariti terhadap tindakan kejam rejim Israel yang menyerang Semenanjung Gaza.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, penganjuran bacaan doa Qunut Nazilah itu akan terus dilakukan bagi memohon perlindungan buat rakyat Palestin.

"Dalam solat Jumaat atau tarawih, kita meng-anjurkan atau imam membacakan doa tersebut. Kita bermunajat kepada ALLAH SWT supaya melindungi rakyat di Gaza dan beberapa tempat lain.

"Sebenarnya tanpa tunggu arahan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), ia perkara baik yang boleh dilaksanakan terutama di seluruh masjid di negeri ini," katanya ketika Majlis Penyerahan Juadah Hari Raya 2025 kepada pasukan badan beruniform di sini pada Rabu.

Media sebelum ini melaporkan semua masjid dan surau di bawah seliaan Jakim serta Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) diarahkan untuk melaksanakan solat hajat secara berterusan sepanjang Ramadan.